

06 JUL 2000
SINGAPURA-PSA/I
PSA BERSAING MELALUI PERKHIDMATAN NILAI DITAMBAH

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 6 Julai (Bernama) -- Pengendali pelabuhan Singapura PSA Corporation meletakkan harapan kepada usaha memberikan perkhidmatan nilai ditambah kepada pelanggan-pelanggannya bagi menghadapi persaingan daripada pelabuhan-pelabuhan lain, kata pengerusinya Yeo Ning Hong.

Menjawab beberapa soalan berhubung dengan tindakan beberapa syarikat perkapalan utama termasuk syarikat perkapalan nasional Singapura, Neptune Orient Line (NOL) menggunakan kemudahan-kemudahan kontena di pelabuhan saingan Tanjung Pelepas (PTP) di negara jiran Malaysia, Yeo berkata PSA tidak akan bersaing semata-mata berdasarkan kos.

"Kesudahannya nanti, setiap ahli perniagaan membuat perkiraan sendiri dan mengambil keputusan di mana tempat yang terbaik untuk mendapatkan nilai, tidak semestinya harga paling rendah.

"Kita bersaing dengan memberikan nilai, kita bersaing dengan memberikan perkhidmatan yang tidak terdapat di tempat lain," katanya pada satu persidangan berita bagi mengumumkan penarafan tertinggi yang diberikan oleh PSA Corporation oleh Standard & Poor's dan Moody's.

Pengendali pelabuhan, yang dijadualkan menjadi syarikat senarai awam, diberi penarafan "AAA" oleh Standard & Poor's dan "Aal" oleh Moody's.

Menurut Yeo PSA mencatat pertumbuhan lebih 70 peratus di terminal-terminalnya di seberang laut kepada 1.26 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Tahun lalu, PSA Corporation mengendalikan 17.62 juta unit bersamaan dua puluh (TEU) di seluruh dunia, 15.9 juta daripada di Singapura.

Tetapi persaingan amat sengit, khususnya daripada pelabuhan berdekatan, PTP yang terletak di selatan Malaysia.

PTP, yang berharga RM2.4 bilion dan terletak hanya beberapa kilometer dari Singapura, telah dirasmikan pada bulan Mac tahun ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkannya sebagai pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia, khususnya di selatan Johor.

Fasa satu projek tersebut, dengan dua kawasan simpanan kapal sepanjang 2.16 kilometer memulakan operasi Oktober lalu.

-- BERNAMA
TCL KY MA